

Sidang Dewan Rakyat

Isu kemasukan pekerja asing 'cantik atas kertas'

450,000 dapat kelulusan, tapi hanya 100,000 boleh masuk

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Isu berkaitan kemasukan pekerja asing diumumkan 'cantik di atas kertas', namun berdepan banyak kelemahan dalam fasa pelaksanaan, yang perlu ditangani.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kira-kira 450,000 pekerja asing sudah mendapat kelulusan untuk masuk ke Malaysia, namun setakat ini, kira-kira 100,000 pekerja saja yang masuk.

Justeru, beliau berkata, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan bertemu dengan pihak berkepentingan petang semalam bagi melihat dan memperincikan masalah sebenar, sama ada ia membabitkan masalah di negara sumber, imigresen atau sumber manusia.

"Setiap minggu dalam Kabinet, isu ini dibincangkan, sudah lima ke enam bulan, sampai jemu kami semua (berbincang).

"Jadi, kami sudah buat keputusan tidak mahu dengar lagilah. Se-



Mustapa ketika menjawab soalan di Bangunan Parlimen. (Foto BERNAMA)

bab itu, petang ini, Menteri Sumber Manusia akan jumpa pihak berkepentingan dan saya yakin, beliau akan dapat menangani sebahagian besar isu ini," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) yang bertanya mengenai mengapa berlaku kelemahan dalam pelaksanaan sehingga menyebabkan kerugian kepada ekonomi dan pendapatan negara.

Industri sawit rugi RM20b

Mustapa berkata, antara industri yang terkesan akibat masalah kemasukan pekerja asing itu adalah kelapa sawit, yang membabitkan kerugian kira-kira RM20 bilion, justeru kerajaan amat memandang serius isu berkenaan.

Menjawab soalan tambahan Tun Dr Mahathir Mohamad (PEJUANG-Langkawi) sama ada kejatuhan nilai ringgit yang teruk memberi kesan kepada belanjawan negara, terutama membabitkan pembayaran yang perlu dibuat kerajaan dalam dolar Amerika Syarikat (AS), Mustapa berkata, kesannya adalah kecil kerana hutang langsung Kerajaan Persekutuan dalam dolar AS tidak sampai lima peratus.

"Kebanyakan hutang kerajaan pusat adalah dalam ringgit. Bagi yang lain, mungkin swasta, itu setengahnya mungkin ada hutang luar negara.

"Mengikut pandangan Bank Negara Malaysia (BNM), kedudukan kecairan bank kita adalah baik. Liputan rizab kita kini adalah kira-kira AS\$106 bilion, melebihi hutang jangka pendek," katanya.